

PUSAT MANUSKRIP MADRASAH AL-AHMADIAH AL-ISLAMIAH DI NARATHIWAT THAILAND: KAJIAN BIBLIOMETRIK TERHADAP 70 MANUSKRIP QURAN

MANUSCRIPT CENTRE OF MADRASAH AL-AHMADIAH AL-ISLAMIAH IN NARATHIWAT, THAILAND: A BIBLIOMETRIC STUDY TO ITS 70 QURANIC MANUSCRIPTS

Syed Najihuddin Syed Hassan¹

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abdulloh Salaeh²

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(Email: abdulloh@usim.edu.my)

Nidzamuddin Zakaria³

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(Email: nidzamuddin@usim.edu.my)

Norhasnira Ibrahim⁴

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(Email: norhasnira@usim.edu.my)

Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi⁵

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(Email: hudazainuzi@gmail.com)

Received date: 24-03-2019

Revised date: 11-04-2019

Accepted date: 01-09-2019

Published date: 10-09-2019

To cite this document: Syed Hassan, S. N., Salaeh, A., Zakaria, N., Ibrahim, N., & Zainuzi, N. I. H. M. (2019). Pusat Manuskrip Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah Di Narathiwat Thailand: Kajian Bibliometrik Terhadap 70 Manuskrip Quran. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(6), 08-18.

DOI: 10.35631/ijham.26002

Abstrak: Manuskrip merupakan bukti kewujudan tamadun masyarakat yang berilmu. Mereka menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penulisan dan uniknya setiap penulisan tersebut dapat digunakan sehingga kini. Pelbagai aspek boleh dipelajari daripada sesebuah manuskrip yang meliputi aspek kodikologi, filologi, kajian teks dan sebagainya. Kajian ini berfokus kepada Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah yang terletak di Narathiwat, Thailand, sebuah madrasah yang berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemuliharaan manuskrip. Justeru, kajian ini dijalankan berpandukan dua objektif utama: 1) mengkaji dengan lebih terperinci latar belakang Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah yang merupakan sebuah pusat manuskrip; dan 2) mengenalpasti bentuk koleksi manuskrip dan bidang ilmu yang terdapat di pusat manuskrip ini. Artikel ini turut membincangkan berkenaan proses pengumpulan manuskrip. Bagi memenuhi proses pengumpulan data, kaedah temubual dikendalikan serta analisis dokumen berkaitan telah dilaksanakan. Dapatan kajian ini berfokus kepada hanya 70 naskhah manuskrip

Quran pelbagai saiz yang telah dipulihara. Dalam pada itu, koleksi manuskrip selain Quran boleh dibahagikan kepada 15 bidang ilmu. Selain itu, terdapat 2 bentuk koleksi bahan di pusat ini iaitu buku dan artifak. Kajian ini diharap dapat memberi pendedahan berkenaan pemuliharaan khazanah manuskrip Nusantara di samping memartabatkan institusi yang terlibat.

Kata Kunci: Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah, Pusat Manuskrip, Manuskrip Selatan Thailand, Koleksi Manuskrip Quran, Kajian Manuskrip

Abstract: *The manuscripts have been proofs of the existence of knowledgeable civilization society. They disseminated knowledge through writings and each writing can be used until now. Various aspects can be learned from the manuscript including codicological aspects, philological as well as textual studies. This study focuses on Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah located in Narathiwat, Thailand, a madrasah which serves as a centre for collecting and restoring manuscripts. Hence, this study is carried out in accordance with two main objectives: 1) to study the background of the Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah as a centre for manuscripts' collection; and 2) to identify the collection of manuscripts and areas of knowledge. This article also discusses the process of collecting manuscripts. A qualitative approach has been conducted in order to collect the data that consists of conducting interviews and analysing related documents. The findings of this study focus on only 70 copies of Quran manuscripts of various sizes that have been conserved. In addition, the collection of manuscripts other than the Quran can be divided into 15 fields of knowledge. Furthermore, there are 2 forms of material collection in this centre: writing forms and artefacts. The study is expected to provide exposure on the conservation of the Malay Archipelago's manuscripts as well as uplifting the institutions involved.*

Keywords: *Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah, Centre for Manuscript, Southern Thailand's manuscripts, Quranic Manuscripts' Collection, Manuscripts' Studied*

Pengenalan

Pada awalnya, masyarakat manusia terdahulu menjadikan kaedah lisan sebagai medium untuk menyebarkan ilmu dan buah fikiran mereka. Namun, kaedah lisan ini dilihat sedikit terbatas dan tidak dapat dikekalkan hingga ke masa hadapan. Selepas itu, mereka bertukar kepada kaedah penulisan dan menulis setiap apa yang terlintas pada fikiran mereka (Adi & Dzul Haimi, 2006). Hasilnya, pada hari ini kita dapat melihat pelbagai jenis karya tulisan tangan yang telah ditinggalkan oleh generasi terdahulu untuk generasi masa kini. Oleh itu, seharusnya manuskrip ini dijaga serta dipulihara supaya dapat dimanfaatkan dan pada masa yang sama menjadi khazanah sejarah yang bernilai buat negara.

Pelbagai usaha pemuliharaan manuskrip telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan juga agensi bukan kerajaan. Akta juga enakmen telah turut dikuatkuasakan bagi memelihara kelestarian bahan bersejarah termasuk manuskrip. Artikel ini berkaitan sebuah pusat manuskrip yang memainkan peranan sebagai pusat pengumpul dan pemuliharaan manuskrip melayu dan arab yang berusia antara 200 hingga 700 tahun. Perbincangan berkisar dari aspek tinjauan dan kajian yang menyelidik latar belakang pusat manuskrip serta koleksi manuskrip yang tersimpan di situ.

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kepada pasukan penyelidik, hasil kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Antara objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti sejarah penubuhan Pusat Manuskrip Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah Narathiwat, Thailand.
2. Menyenaraikan manuskrip yang terdapat di institusi tersebut dari segi bentuk dan bidang keilmuan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kualitatif bagi pengumpulan data utama kajian. Dalam pengumpulan data kajian, kumpulan penyelidik telah mengendalikan temubual tidak berstruktur serta analisis dokumen sebagai sumber utama. Tiga sesi temubual telah dilaksanakan pada 3 dan 4 Julai 2016 serta 29 Ogos 2017 di Madrasah Ahmadiyah. Sesi pertama dan ketiga bersama mudir madrasah sendiri iaitu Ustaz Muhammad Lutfi Ahmad Samae pada 3 Julai 2016 dan 29 Ogos 2017, manakala sesi kedua pada 4 Julai 2016 bersama Ustazah Hazamah Ahmad Samae iaitu saudara perempuan kepada mudir. Mereka telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang sesi temubual berjalan. Dokumen yang dirujuk pula ialah buku, jurnal, manuskrip yang berada di pusat manuskrip, fail perolehan manuskrip, dan dokumen-dokumen lain yang dibenarkan oleh pemilik manuskrip.

Permasalahan Kajian

Bukti kewujudan sesebuah tamadun dapat dibuktikan melalui hasil tinggalan masyarakat yang hidup pada zaman tersebut dalam bentuk manuskrip dan sebagainya. Proses pemuliharaan manuskrip tinggalan masyarakat dahulu yang mempunyai keunikan yang tersendiri dan melambangkan budaya hidup sesebuah masyarakat amat perlu dilakukan. Dalam pada itu, kewujudan satu entiti yang mengumpulkan manuskrip Quran dan selainnya turut memberikan ruang serta peluang untuk penggalan ilmu daripada sumber-sumber tersebut. Dalam pada itu, sebuah pusat manuskrip di Narathiwat telah dikenal pasti sebagai pengumpul kepada pelbagai manuskrip yang boleh dikaji serta dimanfaatkan oleh generasi terkini dan akan datang. Pelbagai kajian berkaitan manuskrip Quran yang wujud di pusat ini amat wajar dilaksanakan agar manuskrip ini dapat diberikan pengiktirafan sewajarnya oleh masyarakat. Justeru, kajian ini dilakukan agar dapat memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap aspek kodikologi dan proses pemuliharaan manuskrip Quran.

Sorotan Literatur

Manuskrip berasal dari bahasa Latin iaitu *manu scriptus* yang bermaksud ditulis tangan (Mahyudin, 2016). Manuskrip Melayu merupakan salah satu hasil seni dan bukti keunggulan serta kehebatan daya cipta masyarakat melayu tradisional pada zaman dahulu. Manuskrip melayu ditakrifkan sebagai karya-karya hasil tulisan tangan, menggunakan tulisan jawi, serta dihasilkan dalam lingkungan akhir abad ke 15M hingga awal abad ke 20M iaitu sebelum kewujudan mesin cetak di Pulau Pinang pada tahun 1806 (Ding, 2006).

Apabila dilihat sesebuah manuskrip, terutamanya naskhah Quran, keindahan iluminasi dekorasi dan seni hiasan amat terserlah. Ini kerana Quran merupakan kitab suci Islam yang amat dihargai dan dipandang tinggi oleh umat Islam. Iluminasi ialah perkataan bahasa Inggeris *illumination* yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *illuminare* yang bermaksud “menerang atau menghias” (Annabel, 2013). Manakala ilustrasi bermaksud hiasan dengan lukisan yang terdapat dalam buku, majalah dan sebagainya (H. Jacobs, 1971).

Menurut Najibah Ghazali yang mengkaji tentang seni hias dan kaligrafi dalam manuskrip Melayu lama, seni hias yang paling menonjol dalam manuskrip Melayu ialah bingkai berhias yang mengelilingi teks pada sepasang halaman bertentangan. Selain itu, aspek seni hias juga melibatkan seni kaligrafi yang melibatkan tulisan khat khususnya dalam penulisan Quran (William, 1966).

Bagi membezakan manuskrip orang awam dan manuskrip sultan adalah melalui penggunaan dakwat yang digunakan. Bagi warkah daripada atau kepada sultan kebiasaannya ia akan dihias indah dengan menggunakan air emas dan dakwat yang terang serta pelbagai warna (Mahayudin, 2000). Dalam meneliti manuskrip Quran juga, jelas dapat dibezakan taraf pemilikinya berdasarkan jenis dakwat yang digunakan. Jika milikan sultan atau yang dihadiahkan kepada sultan, dakwat emas digunakan dan bentuk iluminasi juga sangat indah.

Terdapat pelbagai koleksi Quran yang dijumpai di Nusantara Alam Melayu. Kajian demi kajian telah dilakukan antaranya, kajian iluminasi oleh Dzul Haimi dan rakan-rakan (Md. Zain, Syed Mohamad, Othman, & Mahmood, 2007) yang memfokuskan kepada seni hiasan manuskrip Quran yang diambil daripada 36 naskhah Quran dari pelbagai tempat. Dalam pada itu, tiada naskhah yang diperolehnya dari Thailand. Justeru, kajian ini yang mengengahkan koleksi Quran yang telah dikumpulkan oleh Muhammad Lutfi yang mana disentuh dalam kajian ini serta boleh dikaji oleh ilmuwan lain. Beliau menempatkan koleksi Quran tersebut di Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah yang terletak di Mukim Sela Anak Ayam, Daerah Yingo, Narathiwat Thailand (Syed Hassan, et al., 2017).

Dapatan Kajian

Sejarah Penubuhan Pusat Manuskrip Narathiwat

Pusat manuskrip ini terletak di dalam kawasan Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah, di Kampung Sela (Wakaf) Anak Ayam. Lokasi kampung ini di Daerah Yinga dalam Mukim Lahan yang terletak dalam negeri Narathiwat, Thailand. Menurut Haji Lutfi dan Hazamah nama kampung Sela Anak Ayam ini berasal dari kisah seorang pedagang yang telah singgah di sebuah 'sela' atau pondok wakaf untuk beristirahat. Dikatakan bahawa beliau telah kehilangan banyak anak ayam miliknya ketika sedang beristirahat di tempat itu. Berita tersebut telah diketahui oleh penduduk kampung sekitarnya, lalu mereka menamakan wakaf itu sebagai Sela Anak Ayam. Dalam satu penceritaan lain dikatakan bahawa dinamakan perkampungan ini sebagai Kampung Sela Anak Ayam kerana di situ pernah dijadikan kawasan ternakan ayam yang banyak (Syed Hassan, et al., 2017).

Kejadian tsunami yang turut melanda selatan Thailand pada tahun 2004 mempunyai hikmahnya tersendiri terhadap madrasah ini. Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah mula mencatat nama dalam peta dunia sejak tragedi bencana alam itu. Satu delegasi dari kerajaan Turki telah datang berkunjung ke Thailand untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa tsunami. Selepas bantuan dihulurkan, wakil Turki berkenaan berkunjung ke Narathiwat bagi melihat sendiri negeri kelahiran sebahagian besar ulama Nusantara yang telah menyumbang kepada peradaban Islam dunia, sebelum ini mereka telah mengetahuinya melalui pembacaan sama ada menerusi buku atau alam maya (Samae, 2017).

Setibanya mereka di madrasah ini, mereka terkejut dan berasa teruja kerana walaupun sekolah itu begitu daif keadaannya, tersimpan begitu banyak Quran lama tulisan tangan. Quran tersebut yang dipercayai berasal dari Andalusia (Sepanyol), Arab, Indonesia, Tanah Melayu (Malaysia) dan Thailand sendiri, yang berusia antara 200 hingga 700 tahun. Namun begitu, mereka telah

mendapati sebahagian besar koleksi tersebut berada dalam keadaan yang sangat uzur dan hanya menanti masa untuk mengalami kereputan. Menyedari ketinggian nilai khazanah itu, delegasi Turki tersebut terus menawarkan diri untuk bekerjasama dengan pihak madrasah terbabit untuk memulihara kitab-kitab tersebut. (Samae, 2017)

Sehinggalah ke hari ini, kitab-kitab suci tersebut akhirnya dapat diselamatkan dengan sebahagiannya dibaik pulih di sekolah pondok itu sendiri manakala sebahagian lagi yang rosak teruk telah dihantar ke Turki. Kesemua perbelanjaan tersebut telah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Turki, malah mereka mengupah tiga orang tempatan untuk melakukan kerja-kerja memulihara manuskrip di sekolah berkenaan. Selain itu, pihak muzium Thailand juga turut menghantar pasukan pemuliharaan yang membantu pihak madrasah menyenggara koleksi manuskrip mereka. Semenjak itu, madrasah ini telah menerima kunjungan berterusan khususnya dari negara-negara serantau, lebih-lebih lagi apabila kini ia sudah menubuhkan pusat manuskripnya tersendiri (Samae, 2017).

Latar Belakang Pengasas Pusat Manuskrip

Haji Muhammad Lutfi bin Haji Ahmad bin Osman Samae dikenali sebagai Baba Lutfi. Terdiri daripada tiga orang adik beradik dan beliau merupakan anak kedua kepada pengasas Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah iaitu Syeikh Haji Ahmad bin Osman Samae, telah dilahirkan dalam kawasan pondok atau Madrasah Ahmadiyah pada tahun 1967. Isterinya bernama Hamidah binti Rasak yang berasal dari Teluk Deraman, Pattani. Perkahwinan mereka dikurniakan lima orangm cahayamata iaitu Muhammad Amin, Makmun, Badruddin, Izzuddin dan Usamah (Samae, 2016).

Pendidikan

Muhammad Lutfi telah mendapat pendidikan awal di Madrasah Ahmadiyah yang diuruskan oleh bapanya sendiri iaitu Syeikh Haji Ahmad bin Osman Samae sehingga ke peringkat menengah. Dalam pada itu, beliau turut mengikuti pengajian akademik di Madrasah al-Tarkiyah al-Islamiah di Narathiwat. Setelah menamatkan pengajian di madrasah tersebut dan juga pengajian akademik, beliau melanjutkan pengajian di peringkat diploma dalam pengkhususan al-Wa'z wa al-Irsyad di Ma'ahad Ta'hil al-A'immah wa al-Khutaba', di bawah seliaan Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, Jordan. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang tafsir dan 'ulum al-Quran di Fakulti Dakwah dan Usuluddin, Universiti Jordan (Samae, 2016).

Kemudian, beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah dalam bidang pengurusan pendidikan hasil tajaan oleh Kerajaan Thailand. Biasiswa itu diberikan khas kepada pentadbir sekolah atau madrasah sepertinya untuk memperkasakan kualiti pentadbiran sekolah. Beliau memulakan pengajian ini pada tahun 2010 dan telah tamat pengajian sarjananya pada tahun 2011 (Samae, 2016).

Setelah menamatkan pengajian di Jordan dengan jayanya, beliau kembali ke tanah air untuk berbakti kepada Madrasah Ahmadiyah. Kini, beliau menjawat jawatan sebagai pengetua Madrasah Ahmadiyah dan merupakan pengasas serta pengerusi kepada Yayasan Pusat Manuskrip Kesenian Islam Dan Kebudayaan Melayu Selatan Thailand (Pattani). Pusat manuskrip ini menempatkan sejumlah besar koleksi manuskrip yang telah beliau kumpul dari seluruh nusantara di samping koleksi manuskrip yang telah dihadiahkan oleh pelbagai pertubuhan serta agensi seluruh dunia (Samae, 2016).

Senarai Guru

Muhammad Lutfi (Samae, 2016) telah berguru dengan beberapa orang guru dari kalangan ulama Melayu dan Arab, antaranya:

1. Ustaz Mahmud
2. Ustaz Muhammad Saufi
3. Ustaz Arifin
4. Ustaz Abdul Hamid Che' Long
5. Ustaz Saleh Putat
6. Syeikh Abdul Rahman Sa'ud
7. Syeikh Dr. Solah Al-Khalidi
8. Syeikh Dr. Hammad Said
9. Syeikh Dr. Fadhl Hasan Abas
10. Syeikh Dr. Syaraf Al-Qudhah
11. Syeikh Dr. Abd Salam Al-'Abbadi
12. Syeikh Nafi'
13. Syeikh Ishak Ahmad Farhan
14. Syeikh Rajih Al-Kurdi
15. Syeikh Abu Syusyah
16. Syeikh Bisyr Al-Kailani
17. Syeikh Ilyas Abd Ghani

Senarai Murid

Muhammad Lutfi (Samae, 2016) berjaya melahirkan ramai dalam kalangan pelajar yang cemerlang dan berjasa kepada masyarakat selatan Thailand, antara murid-murid beliau ialah:

1. Dr. Tayyib bin Ahmad (doktor falsafah)
2. Sya'ari Tanjung Lima
3. Dr Naemah Saleh (doktor perubatan)
4. Dr Sanuri Ismail (doktor perubatan)
5. Ahmad b. Saleh (jurutera elektrik)

Faktor Pengumpulan Manuskrip

Pada awalnya, koleksi milik pusat ini hanya 13 buah manuskrip sahaja. 12 buah daripadanya berasal dari Alam Melayu manakala sebuah dari Yaman. Setelah itu sebanyak 76 buah manuskrip khususnya dalam bidang Quran dihimpunkan sehingga kini. Menurut Haji Lutfi, 76 buah manuskrip tersebut berasal daripada Nusantara iaitu Kedah, Aceh, Indonesia, Yaman, Parsi, Kufah, Mesir dan Andalus. Dalam masa 5 tahun, Haji Lutfi telah giat berusaha menghimpunkan tambahan manuskrip. Kesungguhan beliau ini rentetan usaha kerajaan Turki yang senantiasa memberikan sokongan dan galakan dengan membuat pemuliharaan terhadap manuskrip sedia ada. Di samping itu, beliau turut mengumpulkan manuskrip selain Quran dan barang artifak yang berkaitan teknologi masyarakat Melayu terdahulu yang menjadi bukti ketinggian ilmu inovasi mereka (Samae, 2016).

Organisasi Pusat Manuskrip

Dalam melancarkan pengurusan pusat manuskrip ini, Haji Lutfi telah menyusun tugas serta melantik jawatankuasa tertentu. Perkara ini dapat membantu beliau dalam menguruskan pusat ini secara teratur.

Jawatankuasa Pengurusan

Setelah pusat manuskrip ini dibina, jawatankuasa pengurusan telah ditubuhkan bagi membantu kelancaran dari segi aspek pengumpulan dan pemuliharaan koleksi manuskrip yang terdapat di

pusat manuskrip tersebut. Ahli jawatankuasa yang terlibat ini terdiri daripada guru-guru dan tenaga pengajar di madrasah itu sendiri (Samae, 2016). Jawatankuasa ini adalah sebagaimana Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Jawatankuasa Pusat Manuskrip

Nama	Pekerjaan
Ustaz Mahmud Ahmad	Guru Agama
Ustaz Muhammad Suji Tahir	Ketua Agama Daerah
Ustaz Arifin Samuh	Guru Madrasah Ahmadiyah
Ustaz Akhuya Haji Sami	Guru Madrasah Ahmadiyah
Ustazah Awatif Munah	Ketua Badan Pelajar & Akademik
Hazami Salih	Guru Akademik
Aminah Sarimah	Pelatih
Hazmah Samud	Pelatih
Muhammad Lutfi Sami	Ketua Pentadbir

Sumber: (Samae, 2016)

Jawatankuasa Pengumpulan Manuskrip

Semasa proses pengumpulan manuskrip ini dilakukan terdapat dua orang yang penting dan bertanggungjawab dalam menguruskan aspek pengumpulan manuskrip. Mereka ini akan turun padang pergi ke tempat yang ada manuskrip atau artifak dan membawanya pulang ke pusat manuskrip. Pasukan ini diketuai oleh Muhammad Lutfi sendiri dan dibantu oleh Muhammad Kelaba. Jika ada maklumat berkaitan manuskrip, mereka akan turun padang pada hari Sabtu. Pemilihan hari Sabtu ialah kerana Sabtu itu hari cuti dan di luar waktu kerja rasmi. Mereka berdua telah berjaya mengumpulkan manuskrip dalam pelbagai bidang keilmuan dan tidak hanya tertumpu kepada manuskrip Quran sahaja. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Jenis Bahan Bersejarah Yang Dikumpulkan

Nama	Jenis Manuskrip yang dikumpulkan
Haji Muhammad Lutfi	Quran
Ustaz Ismail	Keris lama/ alat senjata lama/permata
Ustaz Muhammad Kelaba	Bahagian besi/teknologi
Ustaz Ahmad Awang	Bahagian benda/kajian/sejarah
Cikgu Mat	

Sumber: (Samae, 2016)

Jawatankuasa Pemuliharaan

Selain itu beberapa individu lain juga telah dipertanggungjawabkan di bahagian pemuliharaan manuskrip dan pembantu yang membersihkan manuskrip. Nama dan tugas mereka sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Unit Pemuliharaan Manuskrip

Nama	Tugasan
Hakim bin Muhammad	Bahagian pemuliharaan
Fikri Drami	
Miryani Che Long	
Syukri Kemboja	Pembantu yang membersihkan manuskrip
Abdul Rahim Thai	
Hassan Ibrahim Thai	

Sumber: (Samae, 2016)

Waktu Operasi Pusat Manuskrip

Waktu operasi pusat manuskrip ini adalah dari 9 pagi sehingga 5 petang dan dibuka pada setiap hari termasuk cuti umum.

Bidang Keilmuan Dalam Koleksi Manuskrip

Pusat manuskrip ini turut menyimpan sejumlah manuskrip Melayu lama yang bertulisan jawi dan juga manuskrip al-Quran. Apa yang menakjubkan, sebahagian manuskrip tersebut menceritakan tentang teknologi purba yang telah dihasilkan serta diguna pakai oleh orang Melayu pada masa dahulu. Ini sebenarnya kreativiti dan inovasi bangsa Melayu terdahulu yang amat wajar dibanggakan oleh generasi terkini. Antaranya mesin menghasilkan gula, cara membuat keris, cara membuat perahu, ilmu pelayaran, ilmu perubatan dan sebagainya (Syed Hassan, Salaeh, Ibrahim, Zakaria, & Mohamad Zainuzi, Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah di Narathiwat, Thailand dan Koleksi al-Quran: Satu Kajian Deskriptif, 2018).

Menurut Haji Lutfi, selepas kerajaan Turki menjalin kerjasama dalam kerja-kerja memulihara Quran di sekolah berkenaan timbul hasrat di hatinya untuk menghimpunkan kitab-kitab lama yang lain termasuk manuskrip Melayu khususnya dari kawasan sekitar Thailand. Hasilnya beliau bukan sahaja menemui khazanah istimewa tersebut, malah beliau turut menemui pelbagai alatan purba yang pernah digunakan pada zaman dahulu yang masih berada dalam keadaan baik. (Samae, 2017). Hasil daripada usaha pengumpulan yang dilaksanakan oleh pusat manuskrip ini selama ini telah dapat dikumpulkan sejumlah manuskrip kitab tulisan melayu lama. Manuskrip ini telah dikategorikan kesemuanya dalam 15 bidang keilmuan sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Bidang Keilmuan Dalam Koleksi Manuskrip Terkumpul

No	Bidang Ilmu
1	Ilmu Asal Kejadian Alam Dan Sejarah
2	Ilmu Manusia Dan Makhluk Penciptanya
3	Ilmu Astronomi Falak
4	Ilmu Faraid
5	Ilmu Matematik
6	Ilmu Perubatan
7	Ilmu Ramalan Dan Tadbir
8	Ilmu Sains Hayat Sains Fizik
9	Ilmu Tasawwuf/ Aqidah/ Fiqh
10	Ilmu Falsafah/ Adat Dan Bahasa
11	Ilmu Teknologi Kejuruteraan
12	Ilmu Tajwid

13	Ilmu Pelayaran Dan Kompas Perjalanan Laut
14	Ilmu Kesusasteraan
15	Ilmu Jampi Gabar Untuk Menahan Diri

Sumber: (Samae, 2017)

Cabaran Semasa Pengumpulan Manuskrip

Semasa proses pengumpulan manuskrip dilakukan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapinya. Sebahagian pemilik manuskrip tidak memberikan kerjasama yang baik kerana tidak mengetahui betapa bernilainya manuskrip yang dimilikinya itu pada masa kini. Selain itu, ada di antara pemilik manuskrip yang tidak mengizinkan koleksi manuskripnya dibuka kerana berpegang kepada wasiat yang ditinggalkan daripada pewaris atau pemilik awal manuskrip tersebut. Ini kerana mereka takut untuk menyerahkan manuskrip tersebut kerana isu salah faham serta khuatir akan timbulnya nanti masalah keamanan.

Sebahagian mereka juga turut bimbang jika nantinya manuskrip milik mereka itu akan dipindah milik atau diserahkan kepada kerajaan Siam (Kerajaan Thailand). Selain itu, pencarian manuskrip turut menjadi terbantut kerana ketiadaan pemilik manuskrip di rumah yang mereka kunjungi. Terkadang sesetengah manuskrip itu didapati hilang dalam simpanan pemiliknya. Sebagai ikhtiar yang dilakukan oleh Haji Lutfi dalam pencarian manuskrip yang dikatakan telah hilang dalam simpanan pewarisnya itu, beliau telah menggunakan sejenis minyak wangian khas yang pernah dahulunya digunakan untuk menulis manuskrip. Dengan izin Allah, mereka berhasil menemui manuskrip yang dikatakan hilang itu pada tempatnya (Samae, 2017).

Manuskrip Quran di Pusat Manuskrip Narathiwat

Berikut merupakan hasil dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh pasukan penyelidik sepanjang tempoh kajian dilakukan yang mengkhususkan kepada koleksi Manuskrip Quran yang terdapat di Pusat Manuskrip tersebut.

Asal Usul Manuskrip Quran

Hasil kajian ini mendapati manuskrip Quran yang terdapat di Pusat Manuskrip ini kebanyakannya berasal dari Tanah Melayu. Tanah Melayu pada zaman dahulu merangkumi Malaysia dan sebahagian dari wilayah Thailand seperti Narathiwat, Yala, Satun dan Pattani (Che Mohd Aziz, 2012). Manakala terdapat sebahagian kecil manuskrip yang berasal dari Indonesia, India dan Arab. Semasa proses menganalisis asal usul manuskrip ini, pengkaji mendapati pihak Pusat Manuskrip telah menentukan asal-usul sesebuah manuskrip berdasarkan kepada sejarah yang telah dicatat oleh penulis asal.

Sebahagian manuskrip pula ditentukan asal-usulnya berdasarkan kepada latar seni hiasan yang digunakan semasa penulisan manuskrip ini berlaku seperti manuskrip yang dinyatakan berasal dari Thailand adalah disebabkan oleh sejarah yang tercatat di manuskrip tersebut dan manuskrip yang berasal dari Tanah Melayu adalah manuskrip yang tidak dinyatakan secara jelas dari mana manuskrip itu, ia hanya dilihat melalui seni hiasannya sahaja. Jadual 5 menunjukkan asal-usul 70 manuskrip Quran yang terdapat di Pusat Manuskrip tersebut:

Jadual 5: Asal-Usul Manuskrip Quran

Asal-Usul Manuskrip (n=70)	Bilangan
Arab	4
Malaysia	3
Indonesia	10
India	3

Tanah Melayu	21
Thailand	9
Tidak dinyatakan	20

Sumber: (Samae, 2016)

Jenis Tulisan (Khat) Yang Digunakan

Jadual 6 menunjukkan jenis tulisan khat yang telah digunakan oleh penulis manuskrip-manuskrip ini. Terdapat sesetengah penulis yang hanya menggunakan salah satu jenis tulisan sama ada thuluth atau nasakh. Namun ada juga sebahagian penulis yang menggunakan kedua-dua jenis tulisan tersebut.

Jadual 6: Jenis Tulisan Yang Digunakan

Jenis Tulisan (n=70)	Bilangan
Thuluth	25
Nasakh	11
Thuluth & Nasakh	14
Lain-lain	20

Sumber: (Samae, 2016)

Keadaan Fizikal Manuskrip

Didapati sebahagian besar manuskrip Quran yang ada telah rosak semasa perolehan manuskrip itu berlaku, namun sebilangan naskhah manuskrip Quran pula masih berada dalam keadaan baik (Jadual 7). Antara kerosakan yang terdapat pada manuskrip tersebut adalah kesan terkena air, terkoyak, warna yang telah pudar dan berlubang akibat dimakan oleh serangga perosak. Hal ini adalah disebabkan oleh kaedah penyimpanan yang tidak sistematik oleh pemiliknya. Namun, kebanyakan manuskrip yang rosak itu telah dipulihara oleh kerajaan Turki dan telah dipulangkan kembali. Selain itu, ada juga sebahagian manuskrip yang mengalami sedikit kerosakan telah dibaik pulih oleh Pusat Manuskrip itu sendiri (Syed Hassan, et al., Laporan Penyelidikan Bagi Kod Projek PPP/USG-0116/FPQS/30/13816, 2018).

Jadual 7: Keadaan Fizikal Manuskrip

Keadaan Fizikal Manuskrip (n=70)	Bilangan
Masih dalam keadaan baik	27
Diserahkan/ditemui dalam keadaan rosak	43

Sumber: (Samae, 2016)

Kesimpulan

Pusat Manuskrip ini telah ditubuhkan oleh Muhammad Lutfi iaitu anak kepada pengasas Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah iaitu Syeikh Ahmad bin Osman Samae. Biarpun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi semasa proses pengumpulan manuskrip dilakukan, beliau tetap gigih berusaha untuk mengumpulkan sebanyak mungkin manuskrip di suatu tempat yang khas. Hasrat suci beliau ialah memelihara dokumen-dokumen lama tulisan tangan tersebut daripada mengalami kemusnahan di samping dapat dikaji oleh generasi seterusnya. Beliau telah menerima bantuan daripada pihak Turki dalam memulihara koleksi Quran yang berada dalam simpanannya. Jelas bahawa jasa Muhammad Lutfi dalam usaha menubuhkan Pusat Manuskrip amat perlu dihargai kerana inisiatif tersebut dapat mengekalkan legasi silam ini buat tatapan generasi masa kini agar mereka dapat menghayati kehebatan keilmuan para ulama terdahulu.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Kajian ini telah diberikan dana untuk menjalankan penyelidikan di bawah skim dana penyelidikan jangka pendek yang bertajuk: Kajian Bibliometrik Manuskrip Melayu dan Islam di Pondok al-Ahmadiyah al-Islamiah, Desa Sela Ayam, Narathiwat, Thailand. Kod projek ini ialah PPP/USG-0116/FPQS/30/13816.

Rujukan

- Adi, H. T., & Dzul Haimi, H. (2006). *Manifestasi Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia.
- Annabel, T. G. (2013). The Language of Malay Manuscript Art: A Tribute to Ian Proudfoot and the Malay Concordance Project. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11-27.
- Che Mohd Aziz, Y. (2012). Asimilasi Bangsa Melayu di Pattani: Keberkesanan Dasar dan Survival Budaya Minoriti. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 99-123.
- Ding, C. M. (2006). Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, (pp. 10-11). Kuala Lumpur.
- H. Jacobs. (1971). *A Treatise on the Moluccas*. Rome: Jesuit Historical Institute.
- Mahayudin, Y. (2000). Karya Klasik Melayu-Islam. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyudin, H. Y. (2016). The Jawi Manuscript: Its History, Roles and Function In The Malay Archipelago. *Journal Of Islamic Studies and Culture*, 52-61.
- Md. Zain, D., Syed Mohamad, S., Othman, M., & Mahmood, M. (2007). *Ragam Hias al-Quran di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Samae, M. (2016, Julai 3). (S. Syed Hassan, & A. Salaeh, Interviewers)
- Samae, M. (2017, Ogos 29). (S. Syed Hassan, & A. Salaeh, Interviewers)
- Syed Hassan, S., Salaeh, A., Ibrahim, N., Zakaria, N., & Mohamad Zainuzi, N. (2018). Madrasah Al-Ahmadiyah Al-Islamiah di Narathiwat, Thailand dan Koleksi al-Quran: Satu Kajian Deskriptif. *INFAD*, 580-592.
- Syed Hassan, S., Salaeh, A., Ibrahim, N., Zakaria, N., Mohd Said, W., Mohd Amin, M., . . . Ma, Y. L. (2018). *Laporan Penyelidikan Bagi Kod Projek PPP/USG-0116/FPQS/30/13816*. Nilai.
- Syed Hassan, S., Salaeh, A., Zakaria, N., Mohd Said, W., Abdul Halim, A., & Ibrahim, N. (2017). Haji Ahmad dan Madrasah Ahmadiyah di Narathiwat, Thailand: Satu Kajian Tinjauan. *The 4th National and International Conference in Islamic Education & Educational Development* (pp. 361-370). Yala, Thailand: Yala Rajabhat University.
- William, M. (1966). *The History of Sumatra*. (p. 182). Kuala Lumpur: Oxford University Press.